

METODOLOGI PENULISAN *BULŪGH AL-MARĀM* SEBAGAI KITAB ḤADĪTH AL-AHKĀM

Oleh
Ishak Hj. Sulaiman*

Abstract

Kitab Bulūgh al-Marām is regarded as a source of reference of ḥadīth al-Aḥkām and written by Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, a ḥadīth scholar who lived in the 8th century of Hijrah. This article is focused on Bulūgh al-Marām’s methodology including the contents and arrangement of each book and chapter, and also the use of specific terms for its ḥadīth.

MUQADDIMAH

Kitab ini dipilih sebagai satu fokus kajian kerana merupakan sebuah kitab yang menghimpunkan matan-matan ḥadīth terpilih yang menjurus terhadap hukum-hukum Islam. Pengarangnya, Ibn Ḥajar telah menyebutkan di dalam *muqaddimah* kitab ini bahawa *Bulūgh Al-Marām* merupakan sebuah karya ringkasan yang meliputi dalil-dalil dari hadīth di dalam hukum-hukum syariah.¹

Matan-matan ḥadīth yang dikumpulkan di dalam kitab ini telah dikategorikan pula mengikut tajuk dan bab-bab yang tertentu. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, Kitab *Bulūgh Al-Marām* boleh dikategorikan sebagai kitab *matan al-Ḥadīth* yang berwibawa dan berautoriti sebagai rujukan teks ḥadīth, walaupun tidak setanding dengan Kitab-kitab *matan al-Ḥadīth* yang sudah terkenal seperti *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim*.

Di dalam penulisan ini, tumpuan terhadap *Bulūgh Al-Marām* akan dilihat dari sudut definisi, sumber rujukan atau pengambilan ḥadīth-hadīth di dalamnya dan metodologi atau teknik penyusunan hadīth-hadīth yang meliputi setiap bab.

DEFINISI *BULŪGH AL-MARĀM*

Sudah menjadi kebiasaan bagi para ‘ulama Islam meletakkan tajuk karya mereka

* Pensyarah di Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹ Ibn Ḥajar, *Bulūgh al-Marām*, Dār al-Salām, Riyad:1413H/1992M, h.7.

dengan sesuatu pengertian. Daripada tajuk karya tersebut dapat diketahui tujuan penulis menghasilkan karyanya. Tajuk-tajuk karya kebiasaannya terdiri daripada rangkai kata yang terpilih dan bersifat simbolik. Sehubungan dengan itu, Ibn Ḥajar telah memilih nama *Bulūgh Al-Marām* sebagai tajuk utama karya beliau di bidang *matan al-hadīth*.

Perkataan *bulūgh* berasal dari kata kerja *balagha* yang bermaksud sampai.² Perkataan *al-marām* berasal daripada perkataan *ramy* yang ditambah huruf *mim* di awal perkataan, maka ia menjadi *marām* yang bererti kehendak atau tuntutan.³

Berhubung dengan maksud *Bulūgh Al-Marām* yang menjadi tajuk karya Ibn Ḥajar, al-Ṣan‘āni (m.1182H/1768M) telah menghuraikannya di dalam kitabnya *Subul al-Salām*. Menurut al-Ṣan‘āni yang dimaksudkan dengan *Bulūgh al-Marām* ialah seseorang pelajar yang dapat mencapai atau menguasai perkara yang dituntutnya daripada dalil-dalil *ahkām*.⁴ Daripada penjelasan ini dapatlah difahami akan maksud bagi tajuk *Bulūgh al-Marām* yang dihasilkan oleh Ibn Ḥajar.

METODOLOGI PENULISAN HADĪTH

Di dalam topik ini tumpuan akan diberikan terhadap metodologi penulisan hadith-hadith di dalam *Bulūgh al-Marām* yang berkaitan dengan bilangan hadith, penyusunan kitab dan bab, penggunaan istilah-istilah dan kategori hadith yang terkandung di dalamnya.

1. Bilangan Hadith-hadith

Mengetahui bilangan hadith-hadith merupakan satu aspek penting yang ditekankan oleh ‘ulama hadith di dalam melakukan kajian terhadap sesebuah karya matan hadith. Melalui cara ini akan dapat dinilai kepakaran dan keilmuan penyusun kitab hadith tersebut di dalam mengkategorikan hadith-hadith pilihannya.

Berhubung dengan bilangan hadith-hadith di dalam *Bulūgh al-Marām*, terdapat perbezaan pendapat di kalangan pengkaji hadith kontemporari bagi menentukan bilangannya yang tepat. Menurut pendapat Muhammad Rashad Khalifah, terdapat 1,373 hadith yang asal iaitu hadith yang tidak bercampur-campur yang berdasarkan dari ungkapan “*wa fi riwayat fulan....*” dan sebagainya. Manakala hadith yang bercampur-campur terdapat sebanyak 131 hadith di dalam *Bulūgh al-Marām*.⁵

² Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arāb*, Jil.4, h.87.

³ *Ibid.* Jil. 6., h.103.

⁴ al-Ṣan‘āni, *Subul al-Salām*, 1968M, Jil.1, h.2.

⁵ Muhammad Rashad Khalifah, *Madarasaḥ al-Hadīth fi Misr*, Qaherah; 1983, h.447.

Berdasarkan pendapat Abu Zahw pula bilangan hadīth-hadīth di dalam *Bulūgh al-Marām* berjumlah 1,400 hadīth yang diambil dari sumber rujukan yang disusun di dalam setiap bab.⁶

Manakala di dalam kitab *Bulūgh al-Marām* yang diedit oleh Muhammad Hamid al-Fiqi, kesemua ḥadīth tersebut berjumlah 1,596 hadīth.⁷ Bilangan ini sebenarnya berdasarkan bilangan matan al-hadīth yang bercampur-campur seperti yang terdapat di dalam *Bulūgh al-Marām*.

Kepelbagaiannya pendapat di kalangan ‘ulama berhubung hal ini disebabkan cara menentukan bilangan bagi ḥadīth-hadīth termasuklah ḥadīth yang berulang-ulang tidak sama di antara mereka. Daripada pendapat yang pelbagai ini sebenarnya anggaran bagi bilangan ḥadīth di dalam *Bulūgh al-Marām* sudah dapat dipastikan apabila kesemua pendapat ini menganggarkan jumlah keseluruhannya ialah sebanyak seribu lebih. Perbezaan pendapat mereka di dalam hal ini hanyalah untuk menentukan bilangan yang tepat selepas angka 1,000. Oleh yang demikian, secara umumnya boleh dianggarkan bahawa bilangan ḥadīth-hadīth di dalam *Bulūgh al-Marām* ialah lebih daripada 1,000 hadīth.

2. Penyusunan Kitab dan Bab

Di dalam *Bulūgh al-Marām* kesemua hadīth telah dikategorikan berdasarkan Kitab dan Bab. Berhubung dengan penggunaan istilah *kitab* di dalam *Bulūgh al-Marām*, al-Ṣan‘āni telah menghuraikannya di dalam sebuah karya yang bertajuk *Subul al-Salām* yang merupakan sebuah kitab yang menghuraikan dan membuat ulasan terhadap Hadīth-hadīth di dalam *Bulūgh al-Marām*.⁸

Menurut al-Ṣan‘āni, penggunaan istilah kitab telah digunakan secara meluas oleh ‘ulama ḥadīth yang menjadikannya sebagai tajuk bagi masalah-masalah khusus di dalam fiqh.⁹ Sehubungan dengan itu di dalam *Bulūgh al-Marām* Ibn Hajar telah menyusun kesemua ḥadīth yang berkaitan masalah fiqh di dalam 16 kitab.¹⁰ Bilangan sebanyak ini adalah berdasarkan kepada kandungan asal seperti yang terdapat di dalam *Bulūgh al-Marām*.

⁶ Abu Zahw, (Dr.), *al-Hadīth wa al-Muhaddithūn*, Riyad;1980, h.447.

⁷ Ibn Hajar, *Bulūgh al-Marām*.

⁸ al-Ṣan‘āni, *Subul al-Salām: Sharḥ Bulūgh al-Marām min adillah al-Ahkām* Qaherah, 1960, 4 juzu’.

⁹ *Ibid*, h.14.

¹⁰ Ibn Hajar, *Bulūgh al-Marām*, h.2.

Enam belas kitab yang terdapat di dalam *Bulūgh al-Marām* ialah seperti berikut:

1. Kitab *al-Tahārah*
2. Kitab *al-Solāt*
3. Kitab *al-Janāiz*
4. Kitab *al-Zakāh*
5. Kitab *al-Siyām*
6. Kitab *al-Hājj*
7. Kitab *al-Buyū'*
8. Kitab *al-Nikāh*
9. Kitab *al-Jināyah*
10. Kitab *al-Hudūd*
11. Kitab *al-Jihād*
12. Kitab *al-At‘imah*
13. Kitab *al-Ayman wa al-Nudhūr*
14. Kitab *al-Qada'*
15. Kitab *al-‘Itq*
16. Kitab *al-Jamī'*

Sebagaimana yang disebutkan di awal perbincangan, penggunaan istilah kitab di dalam mana-mana karya matan al-hadīth bertujuan untuk menamakan tajuk yang penting di dalam masalah fiqh. Di samping itu, hadīth-hadīth yang terdapat di dalam setiap kitab akan dikategorikan mengikut bab yang tertentu.

Berhubung dengan penggunaan bab di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah menyusun 97 bab yang meliputi berbagai persoalan fiqh yang terkandung di dalam setiap kitab.

Di dalam Kitab *Subul al-Salām* yang dihasilkan oleh al-Šan‘āni telah menerangkan mengenai penggunaan bab di dalam kitab tersebut. Menurut al-Šan‘āni, dari sudut bahasa *al-bāb* bererti sesuatu tempat untuk keluar dan masuk.¹¹

Di samping itu beliau telah membawa dua dalil dari Al-Quran yang berhubung dengan penggunaan kalimah *al-bāb*. Dalil pertama ialah (أَدْخُلُوا عَبْرِيمَ الْبَابَ¹²) yang bererti “masuklah kamu melalui pintu kota itu”. Dalil kedua ialah (وَأَنْتُمَا الْكَوَافِرُ مِنْ أَنْوَارِهَا¹³) yang bermaksud “dan masuklah ke dalam rumah-rumah itu melalui pintu-pintunya”.

¹¹ al-Šan‘āni, *Subul al-Salām*, Jil.1, h.14.

¹² Al-Quran, al-Maidah: 23.

¹³ *Ibid*; al-Baqarah:189.

Bagi menjelaskan tujuan penggunaan bab di dalam *Bulūgh al-Marām*, Al-Šan‘āni telah membuat satu huraian yang lengkap. Menurut beliau, penggunaan kalimah *al-bāb* di dalam *Bulūgh al-Marām* hanyalah berbentuk *majāz* atau kata pinjaman sahaja.¹⁴ Ini disebabkan terdapat persamaan kalimah *al-bāb* yang bererti pintu atau tempat masuk untuk mendalami masalah-masalah khusus dengan kalimah *al-bāb* yang bererti pintu atau tempat masuk ke dalam tempat-tempat khusus.¹⁵ Justeru itu, penggunaan kalimah *al-bāb* ini bertujuan bagi menghuraikan masalah-masalah fiqh tersebut secara terperinci.

Memandangkan *Bulūgh al-Marām* merupakan sebuah kitab ringkasan hadith-hadith hukum, maka bab-bab yang disusun di dalamnya merupakan bab yang terpenting sahaja menurut perkiraan penyusunnya iaitu Ibn Hajar.

TAKHRIJ AL-HADITH

Berdasarkan *Muqaddimah* di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah menyebut seramai tujuh orang tokoh ‘ulama ḥadīth yang dijadikan sebagai *Takhrij Al-Hadith* atau tempat pengambilan hadith-hadith yang disusun di dalam kitabnya *Bulūgh al-Marām*. Tujuh orang tokoh ‘ulama ḥadīth tersebut ialah Ahmad bin Ḥanbal (m.241H), al-Bukhāri (m.256H), Muslim (m.261), Abu Dāwūd (m.275H), al-Turmudhi (m.279H), al-Nasā‘i (m.303H) dan Ibn Mājah (m.273H atau 275H).¹⁶

Selain daripada tujuh orang tokoh ‘ulama ḥadīth yang dijadikan sebagai sumber rujukan utama di dalam menyusun kitabnya *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar juga merujuk kepada ‘ulama-‘ulama ḥadīth lain seperti berikut:¹⁷

- 1) Ishāk b. Rāhuwayh (m.238H)
- 2) Al-Ismāil Ahmād b. Ibrāhim (m.371H).
- 3) Al-Bazar atau Ahmād b. Amru (m.292H)
- 4) Al-Bayhaqi atau Ahmād b. Amru (m.2921H)
- 5) Ibn al-Jarud atau Abdullah b. Ali (m.307H)
- 6) Abu Ḥatīm al-Rāzi atau Muhammad b. Idris (m.277H)
- 7) Al-Ḥarīth b. Abi Usāmah (m.282H)
- 8) Abu Abdullah al-Ḥakim (m.405H)
- 9) Abu Ḥatīm Muhammad b. Ḥibban (m.354H)

¹⁴ al-Šan‘āni, *Subul al-Salām*, Jil.1, h.14.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Ibn Hajar, *Bulūgh al-Marām*, h.460.

¹⁷ *Ibid.*

- 10) Muhammad b. Ishāk b. Khuzaimah (m.311H)
- 11) Ibn Abi Khaythamah (m.289H)
- 12) Al-Dāraqutni (m.385H)
- 13) Al-Dārimi (m.355H)
- 14) Sulayman b. Daud (m.204H)
- 15) Abdullah b. Muhammad b. Abid (m.281H)
- 16) Al-Zuhli (m.258H)
- 17) ‘Abidallah b. ‘Abd Karim (m.265H)
- 18) Sayd b. Mansur (m.227H)
- 19) Said b. Uthman (m.353H)
- 20) Al-Shāfi‘i (m.204H)
- 21) Abu Bakr b. Abi Shaybah (m.235H)
- 22) Al-Tabrāni (m.360H)
- 23) Al-Tahāwi (m.321H)
- 24) Ibn ‘Abd al-Barr (m.463H)
- 25) ‘Abd al-Haq (m.571H)
- 26) ‘Abd al-Razak b. Hamam (m.211H)
- 27) Ibn ‘Adi (m.365H)
- 28) Muḥammad b. Amru (m.322H)
- 29) ‘Ali b. al-Madani (m.234H)
- 30) Ya’qūb b. Ishāk (m.316H)
- 31) Ibn al-Qattan (m.628H)
- 32) Al-Imām Mālik (m.189H)
- 33) Ibn Mandah atau Muḥammad b. Ishāk (m.395H)
- 34) Abu Naim al-Asfahani (m.430H)
- 35) Abu Ya’la atau Ahmad b. Ali (m.307H).

Daripada 42 orang muhaddithin atau tokoh ‘ulama hadith iaitu 7 orang tokoh utama dan 35 orang para ulama seperti yang dinyatakan di atas, maka Ibn Hajar telah menyusun hadith-hadith di dalam *Bulugh al-Marām*. Selain daripada tokoh-tokoh ‘ulama yang dijadikan sebagai sumber rujukan di dalam *Bulugh al-Marām*, Ibn Hajar juga telah menggunakan seramai 352 orang *rijal* yang terdiri daripada sahabat-sahabat Nabi SAW.¹⁸

Berdasarkan ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan oleh tokoh-tokoh ‘ulama di atas, maka Ibn Hajar telah menyusun hadith-hadith tersebut berdasarkan tajuk yang

¹⁸ Lihat Ibn Hajar, *Bulugh al-Marām*, h.475.

dinamakan sebagai “*kitab*” dan “*bab*” di dalam *Bulūgh al-Marām*. Sehubungan itu, perbincangan seterusnya akan menyentuh mengenai penggunaan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh 7 orang tokoh utama yang dirujuki oleh Ibn Hajar di dalam setiap kitab yang terdapat di dalam *Bulūgh al-Marām*. Melalui cara ini akan dapat dibuktikan penelitian Ibn Hajar di dalam menyusun setiap hadith yang berkaitan dengan topik bagi sesuatu bab dan kitab.

1. Ahmad bin Hanbal.

Nama sebenar beliau ialah Abu Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal al-Shaibāni. Beliau dilahirkan pada bulan Rabi' al-awwal tahun 164H di Baghdad. Ibu bapa Imam Ahmad berasal dari Marwa, Khurasan. Beliau meninggal dunia pada hari Jumaat, 12 Rabi' al-awwal tahun 241H di Baghdad ketika beliau berumur 77 tahun.¹⁹

Di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah mengambil sebilangan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad Hanbal dan diletakkan di dalam setiap kitab seperti berikut:

1. Kitab <i>al-Tahārah</i>	: 29 Hadith
2. Kitab <i>al-Solāt</i>	: 79 Hadith
3. Kitab <i>al-Janāiz</i>	: 08 Hadith
4. Kitab <i>al-Zakāh</i>	: 04 Hadith
5. Kitab <i>al-Šiyām</i>	: 11 Hadith
6. Kitab <i>al-Hājj</i>	: 10 Hadith
7. Kitab <i>al-Buyū'</i>	: 35 Hadith
8. Kitab <i>al-Nikāh</i>	: 33 Hadith
9. Kitab <i>al-Jināyah</i>	: 09 Hadith
10. Kitab <i>al-Hudūd</i>	: 09 Hadith
11. Kitab <i>al-Jihād</i>	: 11 Hadith
12. Kitab <i>al-At'imah</i>	: 11 Hadith
13. Kitab <i>al-Ayman wa al-Nudhūr</i>	: 04 Hadith
14. Kitab <i>al-Qada'</i>	: 06 Hadith
15. Kitab <i>al-'Itq</i>	: 05 Hadith
16. Kitab <i>al-Jamī'</i>	: 06 Hadith.

¹⁹ al-Baghdađi, *Tarikh al-Baghdad*, Jil.4, h.412 dan Ibn Khalikan, *Wafāyat al-'Ayan*, Jil.1, h.17.

2. al-Bukhāri.

Nama sebenar beliau ialah Abū ‘Abd Allah Muḥammad Abu al-Hasan ‘Ismāil Ibrāhīm b. al-Mughīrah Bardizbah al-Jāfi al-Bukhāri.²⁰ Imam Bukhāri dilahirkan di Bukhāra pada tahun 194H (910M) dan meninggal dunia pada tahun 256H (870M) di Samarqand.²¹

Di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Ḥajar telah mengambil sebilangan ḥadīth-hadīth yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhāri dan diletakkan di dalam setiap kitab seperti berikut:

1. Kitab <i>al-Tahārah</i>	: 47 Hadīth
2. Kitab <i>al-Solāt</i>	: 136 Hadīth
3. Kitab <i>al-Janāiz</i>	: 22 Hadīth
4. Kitab <i>al-Zakāh</i>	: 16 Hadīth
5. Kitab <i>al-Siyām</i>	: 25 Hadīth
6. Kitab <i>al-Hajj</i>	: 65 Hadīth
7. Kitab <i>al-Buyū'</i>	: 69 Hadīth
8. Kitab <i>al-Nikāh</i>	: 60 Hadīth
9. Kitab <i>al-Jināyah</i>	: 14 Hadīth
10. Kitab <i>al-Hudūd</i>	: 17 Hadīth
11. Kitab <i>al-Jihād</i>	: 26 Hadīth
12. Kitab <i>al-At’imah</i>	: 16 Hadīth
13. Kitab <i>al-Ayman wa al-Nudhūr</i>	: 12 Hadīth
14. Kitab <i>al-Qada'</i>	: 13 Hadīth
15. Kitab <i>al-‘Itq</i>	: 08 Hadīth
16. Kitab <i>al-Jamī'</i>	: 40 Hadīth

3. Muslim al-Ḥajāj.

Nama sebenar beliau ialah Muslim bin al-Ḥajāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisāburi. Beliau dilahirkan di sekitar tahun 206H dan meninggal dunia pada tahun 261H.²² Hadīth-hadīth yang diriwayatkan oleh Imam Muslim turut dijadikan sebagai sumber rujukan oleh Ibn Ḥajar di dalam *Bulūgh al-Marām*.

²⁰ Ibn Ḥajar, *al-‘Isābah*, Jil.1., h.47; al-Baghdādi, *Tārikh*, Jil.1, h.6 dan Ibn Khālikān, *Wafāyat*, Jil.1, h.455.

²¹ *Ibid*

²² Ibn al-‘Imād, *Shadhrat al-Dhahāb*, Jil.2, h.144 dan Ibn Ḥajar, *al-‘Isābah*, Jil.10, h.126.

Metodologi Penulisan *Bulūgh al-Marām* Sebagai Kitab Hadīth al-Aḥkām

Di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah mengambil sebilangan hadīth-hadīth yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dan diletakkan di dalam setiap kitab seperti berikut:

1. Kitab <i>al-Tahārah</i>	: 67 Hadīth
2. Kitab <i>al-Šolāt</i>	: 174 Hadīth
3. Kitab <i>al-Janāiz</i>	: 29 Hadīth
4. Kitab <i>al-Zakāh</i>	: 16 Hadīth
5. Kitab <i>al-Siyām</i>	: 25 Hadīth
6. Kitab <i>al-Hājj</i>	: 42 Hadīth
7. Kitab <i>al-Buyū'</i>	: 74 Hadīth
8. Kitab <i>al-Nikāh</i>	: 60 Hadīth
9. Kitab <i>al-Jināyah</i>	: 14 Hadīth
10. Kitab <i>al-Hudūd</i>	: 21 Hadīth
11. Kitab <i>al-Jihād</i>	: 29 Hadīth
12. Kitab <i>al-At'īmah</i>	: 21 Hadīth
13. Kitab <i>al-Ayman wa al-Nudhūr</i>	: 13 Hadīth
14. Kitab <i>al-Qada'</i>	: 12 Hadīth
15. Kitab <i>al-'Itq</i>	: 09 Hadīth
16. Kitab <i>al-Jamī'</i>	: 58 Hadīth

4. Abū Dāwūd.

Nama sebenar beliau ialah Sulaiman al-‘Ash’iyyah Ishak Bashir Shadad Amru bin ‘Imran al-Azd al-Sijastani. Beliau lebih dikenali sebagai Abū Dāwūd yang dilahirkan pada tahun 203H/817M di Basrah dan meninggal dalam tahun 275H/888M.²³

Di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah mengambil sebilangan hadīth-hadīth yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dan diletakkan di dalam setiap kitab seperti berikut:

1. Kitab <i>al-Taharāh</i>	: 56 Hadīth
2. Kitab <i>al-Šolāt</i>	: 118 Hadīth
3. Kitab <i>al-Janāiz</i>	: 15 Hadīth
4. Kitab <i>al-Zakāh</i>	: 20 Hadīth
5. Kitab <i>al-Siyām</i>	: 05 Hadīth
6. Kitab <i>al-Hājj</i>	: 13 Hadīth

²³ al-Šan‘āni, *al-Ansāb*, Jil.2, h.29; al-Nawāwī, *Tahdhīb al-Asmā' wa al-Lughāt*, Jil.2.; Ibn Kathir, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Jil.2, h.55 dan Ibn Khallikan, *Wafāyat*, Jil.1, h.271.

7. Kitab <i>al-Buyū'</i>	: 46 Hadīth
8. Kitab <i>al-Nikāh</i>	: 56 Hadīth
9. Kitab <i>al-Jinayāh</i>	: 20 Hadīth
10. Kitab <i>al-Hudūd</i>	: 13 Hadīth
11. Kitab <i>al-Jihād</i>	: 22 Hadīth
12. Kitab <i>al-At'imah</i>	: 10 Hadīth
13. Kitab <i>al-Ayman wa al-Nudhūr</i>	: 08 Hadīth
14. Kitab <i>al-Qada'</i>	: 12 Hadīth
15. Kitab <i>al-'Itq</i>	: 06 Hadīth
16. Kitab <i>al-Jamī'</i>	: 10 Hadīth

5. al-Turmudhi.

Nama sebenar beliau ialah Muhammad b. Isa b. Sawra b. Musa b. al-Dāhak al-Sulma al-Bughi al-Tirmidhi. Beliau dilahirkan pada kurun 3H di sebuah bandar bernama Tirmidhi pada tahun 209H. Beliau meninggal dunia pada malam Isnin, bulan Rejab tahun 279H.²⁴

Di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah mengambil sebilangan hadīth-hadīth yang diriwayatkan oleh al-Turmudhi dan diletakkan di dalam setiap kitab seperti berikut:

1. Kitab <i>al-Taharāh</i>	: 36 Hadīth
2. Kitab <i>al-Solāt</i>	: 90 Hadīth
3. Kitab <i>al-Janāiz</i>	: 12 Hadīth
4. Kitab <i>al-Zakāh</i>	: 09 Hadīth
5. Kitab <i>al-Šiyām</i>	: 09 Hadīth
6. Kitab <i>al-Hājj</i>	: 08 Hadīth
7. Kitab <i>al-Buyū'</i>	: 25 Hadīth
8. Kitab <i>al-Nikāh</i>	: 30 Hadīth
9. Kitab <i>al-Jinayāh</i>	: 10 Hadīth
10. Kitab <i>al-Hudūd</i>	: 09 Hadīth
11. Kitab <i>al-Jihād</i>	: 06 Hadīth
12. Kitab <i>al-At'imah</i>	: 08 Hadīth
13. Kitab <i>al-Ayman wa al-Nudhūr</i>	: 05 Hadīth

²⁴ Ibn Khallikan, *Wafāyat*, Jil.4, h.27, Ibn al-'Imād, *Shadhrat al-Dhahāb*, Jil.2, h.174, al-Dhahābi, *Tadhkirah al-Huffāz*, Jil.2, h.635 dan al-Zarekli, *al-'Alām*, Jil.7, h.213.

Metodologi Penulisan *Bulūgh al-Marām* Sebagai Kitab Hadīth al-Aḥkām

14. Kitab <i>al-Qada'</i>	: 07 Hadīth
15. Kitab <i>al-'Itq</i>	: 03 Hadīth
16. Kitab <i>al-Jamī'</i>	: 30 Hadīth

6. al- Nasā'i.

Nama sebenar beliau ialah Ahmad b. Shuaib ‘Ali Sinan Abu ‘Abd. Rahmān al-Nasā'i. Beliau dilahirkan pada tahun 214H di sebuah kota yang bernama Nasa yang terletak di Khurasan. Justeru itu Ahmad bin Shu‘aib dikenali sebagai al-Nasā' dan meninggal dunia pada bulan Sha‘ban tahun 303H dalam usia beliau 39 tahun.²⁵

Di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah mengambil sebilangan Hadīth-hadīth yang diriwayatkan oleh al-Nasā'i dan diletakkan di dalam setiap kitab seperti berikut:

1. Kitab <i>al-Tahārah</i>	: 32 Hadīth
2. Kitab <i>al-Solāt</i>	: 72 Hadīth
3. Kitab <i>al-Janāiz</i>	: 08 Hadīth
4. Kitab <i>al-Zakāh</i>	: 07 Hadīth
5. Kitab <i>al-Siyām</i>	: 13 Hadīth
6. Kitab <i>al-Hajj</i>	: 05 Hadīth
7. Kitab <i>al-Buyū'</i>	: 31 Hadīth
8. Kitab <i>al-Nikāh</i>	: 33 Hadīth
9. Kitab <i>al-Jināyah</i>	: 18 Hadīth
10. Kitab <i>al-Hudūd</i>	: 12 Hadīth
11. Kitab <i>al-Jihād</i>	: 08 Hadīth
12. Kitab <i>al-Atīmah</i>	: 05 Hadīth
13. Kitab <i>al-Ayman wa al-Nudhūr</i>	: 03 Hadīth
14. Kitab <i>al-Qada'</i>	: 06 Hadīth
15. Kitab <i>al-'Itq</i>	: 05 Hadīth
16. Kitab <i>al-Jamī'</i>	: 09 Hadīth

7. Ibn Mājah.

Nama sebenar beliau ialah Muhammād Yazid al-Rabā'i Ibn Mājah al-Qazā'in. Beliau dilahirkan pada tahun 209H di Qazwin dan meninggal dunia pada akhir bulan Ramadan tahun 273H. Namun demikian terdapat pendapat yang mengatakan Ibn Mājah meninggal dunia pada tahun 275H dan dikebumikan pada keesokan harinya.

²⁵ Ibn Hajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Jil.1, h. 226, Ibn Khallikan, *Wafāyat*, Jil.1, h.77, al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffāz*, Jil.2, h.270.

Di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Ḥajar telah mengambil sebilangan hadīth-hadīth yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah dan diletakkan di dalam setiap kitab seperti berikut:

1. Kitab <i>al-Taharāh</i>	: 29 Hadīth
2. Kitab <i>al-Solāt</i>	: 58 Hadīth
3. Kitab <i>al-Janāiz</i>	: 10 Hadīth
4. Kitab <i>al-Zakāh</i>	: 05 Hadīth
5. Kitab <i>al-Siyām</i>	: 12 Hadīth
6. Kitab <i>al-Hājj</i>	: 08 Hadīth
7. Kitab <i>al-Buyū'</i>	: 34 Hadīth
8. Kitab <i>al-Nikāh</i>	: 35 Hadīth
9. Kitab <i>al-Jināyah</i>	: 10 Hadīth
10. Kitab <i>al-Hudūd</i>	: 08 Hadīth
11. Kitab <i>al-Jihād</i>	: 02 Hadīth
12. Kitab <i>al-At'īmah</i>	: 06 Hadīth
13. Kitab <i>al-Ayman wa al-Nudhūr</i>	: 02 Hadīth
14. Kitab <i>al-Qada'</i>	: 06 Hadīth
15. Kitab <i>al-'Itq</i>	: 01 Hadīth
16. Kitab <i>al-Jamī'</i>	: 08 Hadīth

Daripada kenyataan di atas, jelas membuktikan bahawa Ibn Ḥajar telah menjadikan hadīth-hadīth yang diriwayatkan dari 7 orang tokoh ulama' tersebut sebagai rujukan utama di dalam penyusunan Hadīth-hadīth yang terdapat di dalam *Bulūgh al-Marām*. Oleh yang demikian tidak wajar timbul sebarang keraguan terhadap hadīth-hadīth yang terdapat di dalam kitab ini kerana Ibn Ḥajar menjadikan 7 orang tokoh 'ulama di atas di samping 'ulama-'ulama hadīth yang lain sebagai tempat pengambilan hadīth-hadīth yang boleh disemak semula tentang kesahihan dan kedudukannya yang sebenar.

PENGGUNAAN ISTILAH-ISTILAH

Berdasarkan *Muqaddimah* di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Ḥajar telah menghuraikan enam istilah khusus yang digunakan di dalam hadīth-hadīth susunannya. Penggunaan enam istilah tersebut bertujuan untuk menyatakan sumber rujukan hadīth-hadīth susunannya dari tokoh-tokoh 'ulama hadīth. Enam istilah tersebut ialah *al-Sab'ah*, *al-Sittah*, *Al-Khamsah*, *Al-Arba'ah*, *Al-Thalathah* dan *al-Muttafaq 'alayh*. Ibn Ḥajar menggunakan enam istilah ini untuk kebanyakan hadīth di dalam *Bulūgh al-Marām*.

Enam istilah ini sebenarnya menggambarkan tujuh orang tokoh perawi hadīth

yang dijadikan sumber rujukan utama terhadap ḥadīth-ḥadīth di dalam *Bulūgh al-Marām*. Tujuh orang tokoh perawi ḥadīth tersebut ialah Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhārī, Imam Muslim, Imam Abū Dawūd, Imam al-Tirmidhī, Imam Nasā'i dan Imam Ibn Mājah. Di samping itu terdapat juga nama perawi hadith selain dari tujuh orang di atas bagi menyatakan sumber rujukan sesuatu ḥadīth.

Di dalam topik ini, tumpuan akan diberikan bagi menghuraikan maksud setiap istilah tersebut di samping membawakan contoh ḥadīth-ḥadīth yang berkaitan. Di samping itu beberapa contoh yang tidak ada kaitan dengan enam istilah ini akan turut dipaparkan bagi membuat satu perbandingan di antara ḥadīth-ḥadīth tersebut.

1. Al-Sab'ah.

Berdasarkan *Muqaddimah* di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah menerangkan maksud al-Sab'ah ialah tujuh orang tokoh utama hadith iaitu *Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhārī, Imam Muslim, Imam Abū Dāwūd, Imam al-Tirmidhī, Imam Nasā'i* dan *Imam Ibn Mājah*. Penggunaan istilah al-Sab'ah ini bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadith di dalam *Bulūgh al-Marām* tersebut datangnya dari periwayatan tujuh orang tokoh ḥadīth seperti yang dinyatakan di atas.

Contoh hadīth yang menggunakan istilah “al-Sab'ah” di dalam *Bulūgh al-Marām* seperti berikut :

عن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه، أن النبي ﷺ قال: (إذا
قمت إلى الصلاة فأنسن الوضوء، ثم استقبل القبلة فكثرب، ثم اقرأ ما تيسر معلك،
من القرآن، ثم اركع حتى تطمئن راكعاً، ثم ارفع حتى تعتدل قائمًا، ثم اسجد
حتى تطمئن ساجداً، ثم ارفع حتى تطمئن جالساً، ثم اسجد حتى تطمئن
ساجداً، ثم افعل ذلك في صلاتك كلها). أخرجه السبعة، واللفظ للبخاري.

Maksudnya:

Dari Abi Hurairah RA sesungguhnya Nabi s.a.w telah bersabda; jika kamu hendak melakukan solat, sempurnakanlah wudu', menghadap ke kiblat, membaca Al-Qur'an yang mudah bagimu.....

Hadīth riwayat oleh Imam tujuh, lafaz ḥadīth ini dari Bukhārī dan Ibn Mājah dengan sanad Muslim.²⁶

²⁶ Ibn Hajar, *Bulūgh al-Marām*, bab Sifat al-Solat, h.77.

2. Al-Sittah.

Menurut Ibn Hajar, al-Sittah bermaksud *Imam Bukhārī*, *Imam Muslim*, *Imam Abū Dāwūd*, *Imam al-Tirmidhī*, *Imam Nasā'i* dan *Imam lbn Mājah*. Di dalam pengertian al-Sittah terdapat hanya seorang sahaja perawi yang digugurkan iaitu Imam Ahmad bin Hanbal.

Penggunaan istilah al-Sittah bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu ḥadīth tersebut hanya dari enam orang perawi itu di samping mengecualikan periwayatan dari Imam Ahmad bin Hanbal sahaja.

Walaupun istilah al-Sittah ini disebut di dalam *Muqaddimah Bulūgh al-Marām* tetapi setelah dibuat penelitian tiada satu ḥadīthpun yang menggunakan istilah al-Sittah bagi menggambarkan sumber rujukan ḥadīth tersebut.

Ini menunjukkan bahawa Ibn Hajar gagal membuktikan ḥadīth yang diriwayatkan oleh enam orang perawi (al-Sittah) iaitu *Imam Bukhārī*, *Imam Muslim*, *Imam Abū Dāwūd*, *Imam al-Tirmidhī*, *Imam Nasā'i* dan *Imam lbn Mājah* walaupun ianya disentuh di dalam *Bulūgh al-Marām*.

3. Al-Khamsah.

Di dalam *Bulūgh al-Marām* Ibn Hajar telah menerangkan maksud al-Khamsah ialah lima orang perawi ḥadīth iaitu *Imam Ahmad bin Hanbal*, *Imam Abū Dāwūd*, *Imam al-Tirmidhī*, *Imam Nasā'i* dan *Imam lbn Mājah*. Di dalam pengertian al-Khamsah terdapat dua orang perawi ḥadīth yang digugurkan iaitu *Imam Bukhārī* dan *Imam Muslim*. Oleh yang demikian penggunaan istilah al-Khamsah ini bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu ḥadīth tersebut hanya dari lima orang perawi seperti yang dinyatakan di atas sahaja.

Contoh ḥadīth yang menggunakan istilah al-Khamsah ialah seperti berikut;

(٢٤) وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «لَا يَقْبِلُ اللَّهُ صَلَاةً حَائِضٍ إِلَّا بِخُمَارٍ». رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلَّا النَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خَزِيمَةَ.

Maksudnya;

Dari 'Aishah r.a bahawasanya Nabi s.a.w bersabda; Allah tidak menerima solat orang yang sudah baligh kecuali dengan menutup aurat.

Hadīth riwayat Imam lima kecuali Nasā'i dan Ibn Khuzaimah mensahihkannya.²⁷

²⁷ *Ibid*, Bab Syarat al-Solat, h.63.

4. Al-Arba'ah.

Menurut Ibn Hajar, al-Arba'ah bermaksud *Imam Abū Dāwūd*, *Imam al-Tirmidhī*, *Imam Nasā'i* dan *Imam Ibn Mājah*. Di dalam pengertian al-Arba'ah, terdapat tiga orang perawi hadīth yang digugurkan iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhārī dan Imam Muslim. Sehubungan dengan itu penggunaan istilah ini bertujuan untuk menyatakan sumber pengambilan sesuatu hadīth hanya dari empat orang perawi seperti yang dinyatakan di atas sahaja.

Contoh hadīth yang menggunakan istilah al-Arba'ah ialah seperti berikut:

(٤٢٤) وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «اقْتُلُوا الْأَسْوَدَيْنَ فِي الصَّلَاةِ: الْحَيَاةِ وَالْعَقْرَبِ». أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ إِبْرَاهِيمُ حَبَّانُ.

Maksudnya:

Dari pada Abu Hurairah ia berkata bahawasanya Nabi s.a.w bersabda; Bunuhlah dua aswad iaitu ular dan kala.

Hadīth riwayat Imam empat dan disahihkan oleh Ibn Hibban.²⁸

5. Al-Thalathah.

Di dalam *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar telah menerangkan maksud al-thalathah ialah tiga orang perawi hadīth iaitu *Imam Abū Dāwūd*, *Imam al-Tirmidhī* dan *Imam al-Nasā'i*. Di dalam pengertian al-thalathah terdapat empat orang perawi hadīth yang digugurkan iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhārī, Imam Muslim dan Imam Ibn Mājah.

Contoh hadīth yang menggunakan istilah al-Arba'ah ialah seperti berikut:

(٢) وَعَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ (١) رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ الْمَاءَ طَهُورٌ لَا يَنْجُسُهُ شَيْءٌ». أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ أَحْمَادُ.

Maksudnya:

Dari Abi Sayd al-Khudri r.a, ia berkata bahawa Nabi s.a.w telah bersabda; sesungguhnya air itu suci, mensucikan yang tidak dinajiskan oleh sesuatu.

Hadīth riwayat Imam tiga dan disahihkan oleh Ahmad.²⁹

²⁸ *Ibid.*, h.67.

²⁹ Ibn Hajar, *Bulūgh al-Marām*, kitab al-Toharah, bab al-Niyah, h.9.

6. Al-Muttafaq ‘alayh.

Di dalam *Bulugh al-Marām* Ibn Hajar telah menerangkan maksud al-Muttafaq ‘alayh ialah *Imam Bukhārī* dan *Imam Muslim* telah mensepakati periwayatan sesuatu ḥadīth dari sumber sahabat yang sama. Di dalam pengertian istilah ini terdapat lima orang perawi ḥadīth yang digugurkan iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Abū Dāwūd, Imam al-Tirmidhi, Imam Nasā'i dan Imam Ibn Mājah .

Penggunaan istilah al-muttafaq ‘alayh terhadap ḥadīth-hadīth di dalam *Bulugh al-Marām* adalah terlalu banyak dan meluas yang meliputi di dalam setiap kitab dan bab. Di antara contoh ḥadīth di dalam kategori ini ialah;

Bermaksud;

“Dari Huzayfah bin ‘Alyman r.a berkata, Nabi s.a.w bersabda; Janganlah kamu sekalian minum di dalam bekas-bekas emas atau perak dan janganlah makan pada piring-piring emas atau perak kerana bekas-bekas itu untuk mereka (orang kafir) di dunia dan bagi kamu di akhirat.” Muttafaq ‘alayh.³⁰

KATEGORI SANAD ḤADĪTH

Bulugh al-Marām sebagai sebuah karya dibidang matan al-ḥadīth telah memberi penekanan kepada aspek sanad hadīth. Memandangkan sanad ḥadīth terdiri dari 3 kategori yang utama, maka Ibn Hajar selaku penulis *Bulugh al-Marām* telah menggunakan tiga kategori sanad tersebut terhadap hadīth susunannya. Tiga kategori sanad ḥadīth yang dimaksudkan ialah;

- i) ‘Isnad Ḥadīth Ṣahīh
- ii) ‘Isnad Ḥadīth Ḥasan
- iii) ‘Isnad Ḥadīth Daif.

Di dalam topik ini tumpuan akan diberikan terhadap contoh dari setiap kategori-kategori sanad ḥadīth yang terdapat di dalam *Bulugh al-Marām*.

1. ‘Isnad Ḥadīth Ṣahīh.

Berhubung dengan persoalan ini, Ibn Hajar melalui karyanya *Bulugh al-Marām* telah menggunakan ‘isnad ṣahīh terhadap ḥadīth-hadīth susunannya. Di samping itu beliau telah menyebutkan dengan jelas mengenai kesahihan ‘isnad terhadap sesuatu ḥadīth tersebut.

³⁰ *Ibid*, h.15.

Berikut akan diuraikan contoh ‘isnad ḥadīth yang sahih seperti yang terdapat di dalam *Bulugh al-Marām*:

(٦) وعن رجل صحب النبي ﷺ قال: نهى رسول الله ﷺ أن تغسل المرأة بفضل الرجل، أو الرجل بفضل المرأة، وليغتروا جميعاً. أخرجه أبو داود والنسائي، وسانده صحيح.

Maksudnya;

“Dari seorang sahabat Nabi SAW, dia berkata: Rasulullah saw telah melarang orang perempuan mandi dengan sisa air lelaki atau lelaki dengan sisa air perempuan.”

Hadīth ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dan Nasā’i, sanad ḥadīth ini sahih.³¹

Berdasarkan ḥadīth di atas, Ibn Hajar telah menyebut di penghujung ḥadīth bahawa sanad ḥadīth tersebut adalah sahih walaupun tidak disebut nama periwayat yang pertama secara jelas dan nyata bahawa dia telah meriwayat hadīth itu dari Rasulullah SAW. Ibn Hajar hanya menyebutkan bahawa seorang sahabat Nabi s.a.w telah meriwayatkan perlakuan Nabi SAW. Menurut al-San’āni, yang dimaksudkan dengan seorang sahabat Nabi SAW itu adalah Dawud bin ‘Abdullah al-‘Awdi.³²

Tujuan sebenar Ibn Hajar menyebutkan ‘isnad ḥadīth ini sebagai sahih ialah untuk menyangkal pendapat dari al-Bayhaqi dan Ibn Hazm. Al-Baihaqi menghukumkan ḥadīth di atas adalah ḥadīth Mursal iaitu yang terputus sanadnya di samping ragu-ragu terhadap sahabat yang meriwayatkan hadīth tersebut.³³

Manakala Ibn Hazm mendakwa Sanad ḥadīth yang terdiri dari perawi yang bernama Dawud bin ‘Abdullah al-‘Awdi adalah seorang perawi yang lemah. Oleh yang demikian bagi menyangkal tuduhan ini, Ibn Hajar telah mengisyiharkan bahawa Sanad hadīth di atas adalah Sahih kerana perawi yang dimaksudkan iaitu Dawud bin ‘Abdullah al-‘Awdi sebenarnya bukan seorang perawi yang lemah tetapi memiliki sifat-sifat perawi yang thiqah. Justeru itu hadīth di atas turut dihukumkan sahih berdasarkan hujah-hujah yang telah diuraikan.³⁴

2. ‘Isnad Hasan.

Ibn Hajar melalui karyanya *Bulugh al-Marām* telah menggunakan ‘isnad hasan

³¹ *Ibid.*, h.12.

³² al-San’āni, *Subul al-Salam*, jil. 1, h.5.

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

terhadap hadīth-hadīth susunannya. Ibn Hajar telah menyebutkan dengan jelas mengenai ‘isnad ḥasan terhadap sesuatu hadīth tersebut.

Berikut akan diuraikan contoh ‘isnad ḥasan seperti yang terdapat di dalam *Bulūgh al-Marām*.

(١٣٨) وعن حمنة بنت جحش^(٢) رضي الله تعالى عنها قالت: كنت أستحاض حبضة كثيرة شديدة، فأتت النبي ﷺ أستفتني، فقال: «إنما هي ركبة من الشيطان، فتحيضي ستة أيام أو سبعة أيام، ثم اغسليني، فإذا استقلأت فصلّ أربعة وعشرين أو ثلاثة وعشرين، وصومي وصلّي، فإن ذلك يجزئك، وكذلك فافعلى كل شهر، كما تحيض النساء، فإن قويت على أن تؤخرِي الظهر وتعجلي العصر، ثم تغسليني حين تطهرين، وتصلّين الظهر والعصر جميعاً، ثم تؤخرِين المغرب وتعجلين العشاء، ثم تغسلين وتجمعين بين الصالتين، فافعلى، وتغسلين مع الصبح وتصلين، قال: وهو أعجب الأمرين إلى». رواه الحمسة إلا النسائي، وصححه الترمذى، وحسنه البخارى.

Bermaksud:

“Dan Hamnah bint Jahsh Ia berkata; Aku menderita istihadah dengan haid yang banyak sekali. Aku mengadap Nabi s.a.w mohon nasihat. Maka beliau bersabda: Sesungguhnya hal itu adalah gangguan dan syaitan. Maka hitunglah haidmu itu enam atau tujuh hari kemudian engkau mandi. Manakala engkau telah bersih, lakukan salat 24 atau 23 hari, berpuasa dan bersalatlah kerana demikian itu dapat mencukupimu. Demikianlah engkau lakukan setiap bulan sebagaimana wanita menjalani haid. Apabila engkau kuat mengakhirkan salat zuhur dan mencepatkan salat asar lalu engkau mandi ketika engkau suci dan engkau lakukan salat zuhur dan asar jama’, kemudian engkau akhirkan salat maghrib dan mencepatkan salat isha’ lalu engkau mandi dan kumpulkan antara dua salat itu. Dan mandilah berserta subuh dan salatlah. Sabdanya lagi demikian itu yang lebih aku sukai dari yang lain.”

Hadīth riwayat oleh Imam yang lima kecuali Nasā'i disahihkan oleh Tirmidhī dan dianggap hasan oleh Bukhārī.³⁵

³⁵ *Ibid.*, h.47

Berdasarkan hadith di atas Ibn Hajar telah menyebutkan bahawa hadith ini telah diriwayatkan oleh perawi yang lima (*khamsah*), kecuali al-Nasa'i iaitu Ahmad, Abu Dāwūd, Tirmidhi dan Ibn Majah. Dan sudut kualiti hadith, Ibn Hajar menyebutkan bahawa Tirmidhi menganggap hadith tersebut sebagai Hadith Sahih, manakala Bukhārī menganggapnya sebagai Hadith Hasan.

Dari sudut pengkajian sanad, perbezaan pendapat ini disebabkan oleh kualiti perawi hadith tersebut. Menurut al-San'ani, sebahagian 'ulama hadith termasuk Bukhārī menganggap hadith tersebut sebagai Hadith Hasan kerana 'Abdullah bin Muhammad bin Uqai'i sebagai perawi hadith telah dinilai kurang baik dan sudut ketepatannya (*dabit*).³⁶

Walaupun begitu tidak sampai bertaraf *daif*. Di samping itu Tirmidhi dan Imam Ahmad telah menghukum hadith ini sebagai Hadith Hasan Sahih. Oleh yang demikian hadith tersebut masih boleh menjadi hujah atau dalil di dalam masalah agama.

Daripada contoh dan huraiyan yang berkaitan dengan 'Isnad Hasan, jelas menunjukkan kualiti sesuatu hadith tersebut di dalam beberapa keadaan turut dipengaruhi oleh kualiti 'isnad. Walaupun 'ulama hadith berbeza pendapat di dalam menilai sesuatu hadith akan tetapi tujuan mereka hanyalah untuk memastikan kualiti atau kesahihan sesuatu hadith benar-benar terpelihara daripada penyelewengan.

3. 'Isnad Daif.

Di dalam topik ini perbincangan akan ditumpukan terhadap penggunaan 'isnad daif di dalam hadith-hadith *Bulugh al-Marām* yang disusun oleh Ibn Hajar. Di dalam *Bulugh al-Marām*, penggunaan 'isnad daif disebut secara jelas oleh Ibn Hajar. Berikut adalah contoh 'isnad daif seperti yang terdapat di dalam *Bulugh al-Marām*.

عن عيسى بن يزداد^(١) عن أبيه^(٢) قال: قال رسول الله ﷺ: «إذا
بال أحدكم فليثث ذكره ثلاثة مرات». رواه ابن ماجه بسنده ضعيف.

Bermaksud:

"Dan 'Isa bin Yazdad dari ayahnya ia berkata bahwasanya Rasulullah bersabda; jika salah seorang dan kamu selesai kencing hendaklah mengurut zakarnya 3 kali."

Hadith riwayat Ibn Majah dengan sanad daif.³⁷

³⁶ *Op.cit.*, *Subul al-Salam*.

³⁷ Ibn Hajar, *op.cit.*, h.6.

Berdasarkan hadīth di atas al-San'āni telah menerangkan bahawa perawi yang disebut sebagai Isa dan ayahnya adalah tidak dikenali. Menurut al-Nawawī, hadīth tersebut adalah ḏaif kerana mengambil pengertian yang hampir sama dengan hadīth yang diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim yang berhubung dengan dua orang yang disiksa di dalam kubur kerana tidak dibersihkan kencingnya.

Oleh yang demikian hadīth ini sebenarnya bertujuan untuk memperjelaskan lagi pengajaran daripada hadīth yang telah diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim berhubung dengan masalah adab-adab membuang air walaupun sanadnya dihukum ḏaif oleh 'ulama hadīth.

PENUTUP

Daripada huraiān dan contoh di dalam perbincangan ini jelas memperlihatkan ciri-ciri ilmiah pada ḥadīth-ḥadīth susunan Ibn Hajar yang menghimpunkan berbagai kategori sanad samada ṣahīh, ḥasan dan ḏaif. Metodologi seperti ini amat penting kepada pengkaji ḥadīth masa kini supaya dapat menilai tahap penapisan sesuatu hukum Islam yang telah diperolehi oleh 'ulama seperti di bidang ḥadīth ini.